

## THE PROCESS OF WRITING ARABIC ESSAYS FOR HIGHER EDUCATION LEVEL ACCORDING TO MALAYSIAN PUBLIC INSTITUTION OF HIGHER EDUCATION LECTURERS' VIEWS

*Proses Menulis Karangan Bahasa Arab Peringkat Pengajian Tinggi mengikut Pandangan  
Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*

*Mohamad Rofian Ismail*  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
mohdrofian@kuis.edu.my

*Muhammad Daoh*  
Universiti Selangor  
muhammad66@unisel.edu.my

### Abstract

*The teaching techniques of writing Arabic essays among lecturers are always different and varied. Thus, a study was conducted to examine the teaching of lecturers at the Public Universities of Malaysia related to the process of writing Arabic essays to students in the field of Arabic. The study design used is a qualitative study involving a total of 12 study participants consisting of Arabic language lecturers from four universities, namely Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) and Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). A set of interview protocols was used as a research instrument to obtain data. The data obtained were analyzed using thematic methods manually. Interview transcripts were analyzed according to themes and categories to obtain research findings. The findings of the study as a whole found that the majority of lecturers in public universities emphasize various techniques in the process of writing Arabic essays, especially in the aspects of producing an essay framework, sentence construction modeling and techniques to make summaries and summaries. The data obtained support findings to build the Arabic essay writing skills module (M-KMKBA). While the aspect of cohesion and coherence and the aspect of writing in the essay are not given full attention, there are some obstacles such as insufficient teaching period and students' readiness to learn those aspects.*

**Keywords:** Writing process, Arabic essay, lecturer

### Abstrak

*Teknik pengajaran menulis karangan bahasa Arab dalam kalangan pensyarah adalah sentiasa berbeza-beza dan pelbagai. Justeru, satu kajian telah dijalankan bertujuan untuk mengkaji pengajaran pensyarah di Universiti Awam Malaysia berkaitan proses penulisan karangan bahasa Arab kepada pelajar dalam bidang bahasa Arab. Data yang diperolehi merupakan*

*dapatan sokongan yang digunakan untuk membina modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab (M-KMKBA). Rekabentuk kajian yang digunakan ialah kajian kualitatif melibatkan seramai 12 orang peserta kajian yang terdiri daripada pensyarah bahasa Arab dari empat buah universiti iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Satu set protokol temubual digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah tematik secara manual. Transkrip temubual dianalisis mengikut tema dan kategori bagi memperoleh dapatan kajian. Dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati bahawa majoriti pensyarah di IPTA menekankan pelbagai teknik dalam proses menulis karangan bahasa Arab terutama pada aspek menghasilkan kerangka karangan, permodelan binaan ayat dan teknik membuat rumusan dan ringkasan. Manakala aspek kohesi dan koheran, begitu juga aspek pemeranggaan dalam karangan tidak beri perhatian sepenuhnya kerana terdapat beberapa halangan seperti tempoh pengajaran yang tidak mencukupi dan kesediaan pelajar dalam mempelajari aspek tersebut.*

**Kata kunci:** Proses Penulisan, Karangan Bahasa Arab, Pensyarah

## **PENGENALAN**

Penulisan bahasa Arab peringkat tinggi adalah kemahiran yang terakhir mengikut susunan pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa di Malaysia.

Pelajar yang bukan penutur jati bahasa Arab perlu melalui kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran membaca sebelum mereka didedahkan dengan kemahiran menulis. Hal ini bagi memberi ruang dan peluang kepada mereka menguasai kosa kata dan mempelajari struktur ayat terlebih dahulu sebagai persiapan mempelajari kemahiran menulis. Kemampuan dan kelemahan kemahiran menulis diukur dengan melihat sejauhmana tahap penguasaan pelajar dalam ketiga-tiga kemahiran tersebut. Menurut Samah (2012) majoriti pelajar peringkat universiti lemah dalam kemahiran menulis. Kelemahan mereka dilihat melalui dapatan kajian yang menunjukkan ketidakmampuan mereka menulis ayat bahasa Arab walaupun menggunakan model binaan ayat yang mudah.

Kelemahan pelajar peringkat tinggi dalam binaan ayat mudah bahasa Arab secara tidak langsung memberi kesan yang negatif kepada mereka dalam penulisan karangan. Kajian Noralidin (2017) kelemahan merangka draf karangan, kajian Ismail et al. (2018) kesukaran pelajar memulakan karangan dan kajian Mokhtar et al. (2020) kesilapan tatabahasa pelajar dalam karangan merupakan antara contoh-contoh dapatan kajian yang membimbangkan pihak

universiti dan pakar pendidikan bahasa Arab terhadap kemahiran pelajar dalam menulis karangan bahasa Arab. Perkara ini perlu diberi perhatian yang sewajarkan memandangkan pelajar peringkat universiti merupakan aset negara yang akan membina dan membangun negara melalui pendidikan.

Justeru, beberapa aspek lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab perlu dibuat kajian secara ilmiah bagi mendapatkan gambaran sebenar masalah yang berlaku dan penyelesaian yang tuntas dalam memastikan pelajar dapat meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik.

### **Latar Belakang Kajian**

Teknik dan pendekatan pengajaran yang dipilih dan sesuai dengan subjek yang diajar merupakan sebahagian daripada ciri-ciri kaedah pengajaran yang berkesan.

Menurut Muselihat et al. (2014) pensyarah yang gagal memilih teknik pengajaran yang sesuai boleh mempengaruhi pencapaian pelajar dalam sesuatu subjek. Hal ini berkemungkinan bakal berlaku kepada mereka yang mengajar kemahiran menulis bahasa Arab di peringkat universiti. Kajian Habibah (2016) menunjukkan pelajar kurang memahami pengajaran insyaf kerana terdapat banyak proses dan prosidur yang perlu dikuasai sebelum memulakan karangan. Dapatan ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Lai (2017) dan juga Mokhtar (2018) yang menyatakan proses penulisan karangan memerlukan kemahiran yang tinggi khususnya kemahiran pelajar dalam membuat draf, menyemak, mengedit dan menguasai tatabahasa Arab.

Selain itu, terdapat banyak versi dalam proses menulis karangan bahasa Arab dalam pengajaran pensyarah. Menurut Ismail dan Daoh (2021) terdapat dalam kalangan pensyarah yang menggunakan langkah-langkah penulisan daripada modul kemahiran menulis yang ditulis oleh orang Arab. Hal ini amat tidak digalakkan kerana sudah tentu modul tersebut dibina berasaskan objektif yang disasarkan kepada penutur jati bahasa Arab. Bagi penutur bukan Arab, mereka sepatutnya memerlukan sebuah modul kemahiran menulis bahasa Arab yang digubal sendiri oleh penulis tempatan. Ismail dan Daoh (2020) dalam kajian mereka

berpendapat modul yang dihasilkan oleh penulis tempatan untuk kegunaan pelajar tempatan adalah yang paling berkesan berbanding dengan modul atau buku yang ditulis oleh penutur bahasa Arab. Menurut beliau lagi, modul tersebut amat sesuai kerana penulis tempatan sendiri yang menghasilkannya berasaskan pengalaman dan objektif yang diperlukan oleh pelajar sasaran.

Kesimpulannya, rentetan daripada ulasan isu-isu di atas, pengkaji merasakan perlunya dijalankan satu kajian yang berkaitan dengan proses penulisan karangan bahasa Arab. Kajian ini dibuat bagi melihat cara dan teknik pensyarah di universiti awam Malaysia dalam pengajaran proses penulisan karangan bahasa Arab. Justeru, pengkaji melihat usaha yang dijalankan ini sedikit sebanyak dapat membantu penggubal-penggubal modul bahasa Arab mendapatkan input dan informasi yang berguna dalam menghasilkan sesebuah modul kemahiran bahasa Arab.

### **Perbincangan Literatur Kajian**

Dengan mengetahui bagaimana ayat dan perenggan distrukturkan dan bagaimana pelajar membina ayat yang baik dan jelas akan membantu pelajar menghasikan satu perenggan teks penulisan akademik samada dalam bentuk esei, laporan, disertasi dan seumpamanya.

Menurut McMillan dan Weyers. (2014) penulisan akademik tidak bermaksud membina ayat yang panjang dengan perkataan-perkataan yang hebat. Kadang-kadang ayat yang pendek mempunyai impak yang lebih tinggi dan kesan yang lebih baik kerana ia ringkas dan mudah. Selanjutnya Lannon (2007) menegaskan semasa proses mengarang sesuatu penulisan, seseorang akan mengubah bahan berkaitan inspirasi, kajian, kemalangan dan sebagainya kepada mesej yang pastinya memberi sesuatu yang berbeza kepada pembaca. Hal ini bermaksud setiap penulisan yang berbentuk karangan dan esei biasanya mengikut bentuk berikut:

1. *Introduction* (Pendahuluan)

Pendahuluan mestilah menarik perhatian pembaca. Ia menghuraikan maksud tajuk dan pandangan sesuatu idea. Pendahuluan yang bagus mampu merangsang pembaca untuk mengikuti bacaan seterusnya.

## 2. *Body* (Isi kandungan)

Isi kandungan pula menerangkan dan menyokong setiap pandangan dan idea penulis iaitu dengan mencapai kesepaduan dalam penumpuan terhadap idea. Ia melihat kepada kesinambungan idea dari satu ayat ke satu ayat yang lain secara tersusun dan teratur. Bahagian ini berbeza dari segi saiz dan jenis mengikut kehendak dan jangkaan pembaca sasaran.

## 3. *Conclusion* (Kesimpulan)

Kesimpulan ialah rumusan daripada pandangan dan idea yang telah dihuraikan berdasarkan maksud dan makna yang telah dipersembahkan. Kesimpulan yang baik memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca terhadap apa yang telah dibaca.

Selain itu, seseorang penulis juga membuat keputusan dalam penulisannya mengikut jenis sasaran pembaca. Adakah dia menulis secara formal, tidak formal, santai dan sebagainya. Lannon (2007) melalui persolan-persoalan yang perlu di beri jawapan telah menggariskan tiga jenis cara membuat keputusan dalam proses menulis esei atau karangan iaitu:

1. Keputusan dalam merancang (*Decision in Planning*). Persoalan yang berkaitan adalah apa tajuk saya? Bagaimana saya menulis tentangnya? Apakah tesis saya? Siapakah sasaran saya, dan apa yang mereka perlu tahu? Apa yang saya tahu, dan sejauhmanakah ia berbaloi? Bagaimana saya akan menyusunnya? Bagaimana saya perlu membentuknya?
2. Keputusan dalam membuat Draf (*Decision in Drafting*). *Jawapan untuk soalan-soalan berikut perlu diberi perhatian iaitu* Apa yang pembaca saya perlu tahu dahulu? Apa yang belaku selepas ini? Adakah saya lupa sesuatu? Sejauhmana ia dikatakan sudah mencukupi? Bagaimana saya mengakhirinya?
3. Keputusan dalam membuat semakan (*Decision in Revising*). Antara soalan yang dikemukakan ialah adakah *versi* ini sudah memadai? Adakah idea dan luahan perasaan saya telah disampaikan secara tepat? Bagaimana saya boleh memperbaiki idea dan pandangan tersebut? Adakah semuan idea tersebut betul?

Manakala menurut Gillet dan Beverly (2001), dalam Tompkins (2009), proses penulisan ialah apa yang pelajar fikirkan kemudian mereka tulis; ia adalah penulisan berpusatkan penulis. Terdapat lima peringkat utama dalam proses penulisan karangan iaitu pra penulisan (*Prewriting*), membuat draf (*Drafting*), membuat semakan (*Revising*), mengedit (*Editing*) dan menerbit (*Publishing*). Berikut dijelaskan proses penulisan setiap peringkat:

1. Pra penulisan (*prewriting*)

Penulis memulakan proses penulisan sebelum mendapatkan tajuk. Biasanya dalam peringkat ini pelajar melakukan perkara-perkara utama seperti memilih tajuk, merangka tujuan, mencipta corak dan bentuk dan menentukan sasaran penulisan dan menjana idea penulisan seterusnya menyusunnya.

2. Membuat Draf (*drafting*)

Dalam peringkat ini, pelajar mula merangka idea dan pandangan ke atas kertas. Mereka menulis di atas baris dan meninggalkan satu baris yang lain untuk disemak. Membuat draf adalah penting untuk memastikan ejaan perkataan betul dan kemas.

3. Membuat semakan (*revising*)

Semakan dibuat apabila penulis telah menjelaskan dan mempersembahkan ideanya dalam isi kandungan mereka. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa membuat semakan ialah membaca semula draf kasar, berkongsi draf kasar sesama pelajar dalam kumpulan, membuat semakan berdasarkan respon dan komen serta berbengkel bersama guru semasa menyemak.

4. Mengedit (*editing*)

Mengedit ialah menjadikan penulisan berada pada bentuknya yang terakhir. Peringkat ini tertumpu kepada isi kandungan karangan pelajar. Pelajar mengasah kemahiran menulis mereka dengan membuat pembetulan, kesilapan ejaan, dan kesalahan-kesalahan mekanikal yang lain. Tujuannya ialah untuk menjadikan karangan tersebut boleh dibaca secara optimum.

5. Menerbit (*publishing*)

Dalam peringkat ini, pelajar membawa karangan mereka secara langsung untuk diterbitkan dan dikongsi bersama dengan pelajar yang lain secara lisan. Apabila mereka berkongsi penulisan mereka dengan rakan sekelas, pelajar lain, ibu bapa dan anggota masyarakat, mereka pastinya menganggap diri mereka sebagai pengarang. Pada peringkat ini pelajar akan membuat salinan akhir penulisan mereka, membaca karangan mereka di hadapan kelas dan berkongsi karangan sesama mereka.

Menurut Badger et al. (2000), teks adalah satu bahagian yang tidak boleh di pisahkan dengan *social situation* iaitu keadaan sebenar sesebuah masyarakat. Penghasilan teks tidak mungkin berlaku tanpa wujudnya penulis dalam sesuatu keadaan tersebut. Hal Ini kerana matlamat atau tujuan penulisan bergantung kepada keberadaan penulis dalam situasi dan keadaan sesebuah masyarakat. Sebagai contoh, semasa guru mengajar pelajar menulis iklan di dalam kelas, dia memulakan dengan mencipta suasana jual-beli dalam bentuk yang sebenar, seterusnya dia membimbing mereka mengenalpasti tujuan dan matlamat menulis iklan dan hubungannya dengan pelbagai bentuk aspek kemasyarakatan berdasarkan penciptaan suasana jual beli tersebut. Hasilnya, pelajar dapat memperolehi maklumat yang diperlukan selain mereka dapat menggunakan gayabahasa yang sesuai dengan memilih kosa kata dan frasa yang menepati konteks dan situasi dalam penulisan iklan tersebut.

Penulisan karangan sememangnya mempunyai prosedur atau langkah-langkah yang sesuai agar pelajar dapat menyiapkan karangan mengikut garis panduan yang tepat dan mantap. Prosedur karangan yang baik memerlukan model pengajaran yang baik. Justeru, Kurniasari (2021) telah menyenaraikan enam peringkat prosedur penulisan dan pengembangan teks untuk pelajar asing menggunakan model pengajaran karangan iaitu:

1. Penyediaan

Pada peringkat ini, guru menjadikan pelajar bersiap sedia untuk menulis iaitu dengan meletakkan mereka dalam situasi atau keadaan yang boleh membantu mereka menghasilkan sebuah teks penulisan. Seterusnya menentukan kepada mereka jenis teks yang hendak ditulis. Ini akan memberi kesan yang positif terhadap kognitif dan pengetahuan pelajar dan menjadikan mereka aktif dan cergas dalam penulisan teks. seterusnya, guru memberi ruang kepada mereka untuk menggambarkan ciri atau kriteria struktur teks yang bakal ditulis.

2. Permodelan dan pengukuhan

Pada peringkat ini, guru bertindak menyediakan kepada pelajar sebuah teks contoh yang berkaitan dengan tajuk yang berdasarkan keadaan dan situasi. Seterusnya menggalakkan mereka memerhati dan berfikir tentang tujuan dan matlamat situasi tersebut yang ingin dicapai dan juga jangkaan pembaca terhadap topik yang ditulis. Seterusnya, pelajar akan membuat analisa bagi mengenalpasti struktur teks dan juga perkaitan dan pertautan antara idea-idea dengan tajuk teks yang ditulis. Pelajar juga di gesa agar membandingkan teks yang ditulisnya dengan teks-teks pelajar lain bagi tujuan pengukuhan.

### 3. Perancangan

Pengetahuan sedia ada pelajar berkaitan dengan tajuk yang ditulis menjadi semakin baik dan berkesan sekiranya pelajar menggunakan pelbagai kaedah dalam cetusan idea seperti: *brainstorming*, perbincangan, membaca bahan bacaan berkaitan tajuk dan juga cuba mengaitkan tajuk dengan pengalaman mereka. Penulisan berkumpulan dalam menyediakan sebuah teks melibatkan kerjasama guru dan pelajar. Pelajar dan guru bersama-sama mencetuskan idea dan melontarkan maklumat dengan menulisnya di atas papan putih ataupun komputer. Teks yang dihasilkan nanti akan menjadi model contoh yang akan diikuti oleh pelajar lain semasa proses penulisan. Semasa bekerjasama dengan pelajar, guru melakukan beberapa prosedur seperti *brainstorming* untuk menghasilkan idea, menulis draf, menyemak untuk mengembangkan teks yang dibuat secara berkumpulan.

### 4. Penulisan sendiri/Penulisan secara individu

Pada peringkat ini, pelajar sudah pun bersedia untuk menulis sebuah teks secara individu ataupun secara sendirian. Penulisan teks ini mungkin berlaku di dalam kelas dengan bantuan dan bimbingan guru. Sekiranya ia masih belum disiapkan, maka pelajar boleh menyempurnakannya di rumah.

### 5. Semakan

Pada peringkat ini, pelajar hanya menjalankan proses semakan kepada teks-teks yang telah disiapkan dan di edit. Aktiviti ini mungkin boleh dijalankan dalam kumpulan yang melibatkan beberapa proses iaitu proses pembetulan teks yang ditulis, proses perbincangan, proses penilaian dan kesemuanya mestilah di bawah pemantauan dan penyeliaan guru.



Thuimah dan Naaqah (2006) menyatakan, semasa membuat penilaian menulis perenggan karangan, perkara yang perlu diberi perhatian ialah menggunakan dua jenis piawai penilaian yang di cadangkan oleh Johnson (1983) iaitu yang pertama *cohesion* dan yang kedua ialah *coherence*. *Cohesion* bermaksud melihat sejauhmana hubungkait atau pertautan antara ayat dalam satu perenggan dalam membentuk struktur bahasa mengikut kaedah tatabahasa yang betul. Manakala *Coherence* bermaksud kaedah menstruktur dan menyusun ayat-ayat untuk membentuk unit – unit yang mempunyai makna.

Charles dan Ronald, (1990) dalam Thuimah dan Naaqah (2006) membezakan penulisan sebagai seni yang menyingkap jenis dan makna kepada tiga bahagian utama iaitu penulisan berbentuk ekspresi, penulisan berbentuk penulisan kognitif dan penulisan persuasif. Penulisan ekspresi bermaksud seseorang menulis mengikut ekspresinya, luahan idea, dan emosi dirinya. Segala idea yang dicurahkan diselaraskan, disusun dan diorganisasikan berdasarkan tajuk yang tertentu. Manakala orang yang membacanya dapat menyelami isi hati dan emosi penulis menerusi idea yang disampaikan. Penulisan ini adalah bersifat kreatif. Penulisan kognitif pula bermaksud seorang penulis memindahkan segala maklumat dan pengetahuan berbentuk teori dan fakta kepada pembaca melalui tulisannya. Penulisan ini mengajak pembaca memahaminya dengan berfikir secara analisis dan kritis. Penulisan ini adalah bersifat ilmiah dan formal. Manakala penulisan persuasif merupakan sebahagian daripada penulisan kognitif. Ia bertujuan untuk menyakinkan pembaca terhadap apa yang ditulis dengan bukti-bukti, dalil-dalil dan hujjah-hujjah yang berfakta. Penulis akan menggunakan pelbagai teknik dan gaya untuk menyakinkan pembaca dengan ideanya samada merangsang pemikiran pembaca dan menyentuh emosinya dengan isi dan idea yang ingin disampaikan.

Dalam kajian ini, pengkaji melihat proses penulisan karangan persuasif dan argumentatif bahasa Arab merupakan bentuk atau jenis yang banyak dipelajari oleh pelajar peringkat universiti. Penulisan karangan jenis ini amat diperlukan oleh mereka dalam membentuk keperibadian yang mantap terutama dalam mengembangkan fakta dan pengetahuan berdasarkan dalil, bukti, dan hujjah yang jitu.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Seramai 12 orang peserta kajian terdiri daripada kalangan pensyarah lelaki dan perempuan yang mengajar subjek kemahiran menulis bahasa Arab dari empat buah institusi pengajian tinggi awam dipilih sebagai sampel kajian. Kesemua pensyarah ini dipilih secara persampelan bertujuan iaitu pemilihan dilakukan berdasarkan kepada kesediaan peserta kajian untuk memberikan maklumat secara mendalam tentang proses kemahiran menulis karangan bahasa Arab di universiti masing-masing. Sampel kajian masing-masing terdiri daripada tiga orang pensyarah dari Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Univesiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Bagi mendapatkan data dan maklumat kajian, pengkaji telah menjalankan proses temubual secara berkumpulan menggunakan satu set protokol temubual. Data temubual yang yang diperolehi melalui rakaman video telah dianalisis menggunakan kaedah tematik secara manual. Transkrip temubual dianalisis mengikut tema dan kategori yang telah digariskan pada objektif kajian.

### **Analisis Kajian**

Hasil daripada analisis yang dijalankan, jumlah peserta kajian yang telah ditemubual adalah seramai 12 orang masing-masing mewakili tiga orang tenaga pengajar dari empat buah universiti awam Malaysia yang ditanda dengan UKM(TP1,TP2,TP3), UM(TP4,TP5,TP6), UNISZA(TP7,TP8,TP9) dan USIM(TP10,TP11,TP12). Semua peserta kajian berumur dalam lingkungan 32 tahun hingga 45 tahun. Jantina peserta kajian adalah seimbang iaitu enam orang lelaki dan enam orang perempuan. Dari sudut kelayakan akademik didapati lima orang mempunyai Phd, lima orang mempunyai sarjana dan dua orang mempunyai sarjana muda. Masing-masing mempunyai pengalaman mengajar yang berbeza di peringkat universiti.

Pengalaman mengajar tenaga pengajar yang paling sedikit ialah selama tujuh tahun manakala yang paling lama ialah selama 17 tahun. Terdapat lima bidang pengkhususan bahasa Arab yang berbeza dalam kalangan peserta kajian yang ditemubual iaitu bidang kemahiran bahasa Arab, bidang kurikulum bahasa Arab, bidang linguistik bahasa Arab, bidang bahasa Arab sebagai bahasa kedua dan bidang kesusasteraan bahasa Arab. Semua peserta kajian pernah mengajar kemahiran menulis bahasa Arab terutama kemahiran menulis karangan.

## Proses Menulis Karangan Bahasa Arab Peringkat Universiti

Secara umumnya, hasil temubual mendapati majoriti tenaga pengajar di IPTA berpendapat bahawa proses kemahiran menulis di universiti mereka memberi penekanan dan fokus kepada komponen Asas dalam penulisan karangan bahasa Arab.

Analisis dapatan temubual menunjukkan ramai tenaga pengajar mengajar proses menulis karangan menggunakan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab yang dibina sendiri. Tidak ramai tenaga pengajar di IPTA Malaysia menggunakan modul kemahiran menulis yang disediakan oleh penulis tempatan dan hanya seorang sahaja menggunakan modul yang ditulis oleh penulis Arab untuk pelajar Malaysia. Majoriti tenaga pengajar pula berpendapat proses menulis karangan bahasa Arab yang diajar adalah mencukupi kepada pelajar selain membimbing mereka memahami pelajaran dengan cepat dan pantas.

Berdasarkan komponen asas kemahiran menulis atau pra-mengarang yang digunakan semasa proses mengajar, didapati hanya bilangan kecil tenaga pengajar memberi penekanan dan fokus kepada binaan dan kaedah asas ayat bahasa Arab. Hal ini kerana komponen-komponen penting lain seperti binaan pola ayat berpandukan model, pembinaan dan pengembangan ayat, membina dan menghubungkan ayat menggunakan penanda wacana dan binaan ayat berpandukan *uslub* atau gayabahasa moden adalah komponen-komponen asas kemahiran menulis yang perlu dipelajari sendiri oleh pelajar dalam modul yang mereka gunakan. Majoriti tenaga pengajar mengatakan beberapa komponen penting dalam proses menulis karangan perlu diberi perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

*“...ajar juga cara tu... mmm..tulis jumlah guna model..emmm macam mana ya?kita tulis dulu guna model ayat jumlah ismiyyah ke...jumlah fi’liyyah pastu student follow lah...”. (TP5; 03:28; 130817)*

*“...ada cara kita guna tu pelajar boleh ikut..bagus ayatnya! Saya ajar sikit-sikit cara nak buat ayat letak uslub...boleh laa...ada pelajar seronok macam tu”. (TP4; 02:27; 130817)*

*“...ada juga minta pelajar...apa tu...bina ayat dan panjangkanlah atau kembangkan...biasa pelajar boleh ikut”. (TP7; 03:12; 010717)*

*“...kalau mereka boleh tulis la kan? Saya akan masukkan juga cara buat ayat letak kata hubung...May be tulis kembali apa yang dibaca”.*  
(TP6; 03:47; 130817)

Dalam proses mengarang pelajar diajar cara merangka model karangan. Proses merangka berlaku diawal penulisan. Pensyarah juga mengambil berat tentang cara menulis perenggan pendahuluan karangan, perenggan isi karangan dan perenggan penutup karangan menggunakan teknik dan model masing-masing.

*“...sebelum tulis insyak..kita ajar la kat dia cara buat draf kasar untuk ayat pendahuluan...lepas tu isi dan last sekali khulash untuk tutup insyak...”.*(TP10; 04:21; 250917)

*“...betul tu, pelajar mudah faham kalau ada kerangka atau model karangan”.* (TP11; 04:31; 250917)

*“...tak susah sebenarnya pelajar nak buat proses pemerenggan ni... sebab ada modul yang kita guna tu ajar cara nak buat perenggan satu-satu...”.* (TP12; 04:51; 250917)

*“...kalau tak da kerangka macam mana pelajar nak tulis?emm...saya minta mereka karang dulu baru baiki kesilapan ramai-ramai”.* (TP6; 03:47; 130817)

Selain itu, terdapat pensyarah yang mengajar pelajar teknik menghasilkan idea utama dan juga teknik menghasilkan idea sokongan. Begitu juga dengan cara atau kaedah menyokong idea utama. Majoriti pensyarah bersetuju bahawa kemahiran merumus dan meringkaskan karangan perlu diajar cara dan tekniknyanya agar pelajar dapat melancarkan proses kemahiran menulis karangan.

*“...nak bagi ayat panjang kena ajar pelajar cara hurai poin utama...senang kata kena ajar kat pelajar guna kata hubung macam isim mausul ker.”.*(TP2; 10:21; 110717)

*“...saya tengok pelajar boleh ikut kalau kita ajar cara nak sokong ayat mula-mula tu...apa kita panggil?...idea perenggan kan? ”.* (TP6; 03:59; 130817)

*“...nak ringkas perenggan ni biasanya saya minta pelajar ambil poin di awal ayat...lepas tu potong la mana-mana ayat yang tak penting...nampak faham jer mereka ni”. (TP11; 04:43; 250917)*

Manakala majoriti tenaga pengajar mengatakan dua aspek kemahiran berikut tidak banyak diberikan penekanan iaitu aspek kemahiran menggunakan unsur *kohesi* dan *koheren* dalam karangan dan yang kedua ialah aspek kemahiran pemerenggan karangan.

*“...pernah minta pelajar semak lepas buat karangan tapi..ramai yang tak faham nk tengok berkait ke tak berkait...”. (TP3; 11:28; 110717)*

*“...susah juga pelajar nak buat perkaitan ni...kadang-kadang mereka tak buat pun sebab tak cukup masa”. (TP1; 09:37; 110717)*

*“...saya kalau pelajar boleh tulis tu kira ok dah...nak tengok insyak tu berkait-kait dalam perenggan atau tak rasanya pelajar tak sempat kot...”. (TP7; 04:04; 010717)*

*“...kohesi dan koheren ini penting sebenarnya...tapi saya rasa pelajar tak perlu lagi...biar mereka tulis betul dulu baru saya ajar...”. (TP2; 10:21; 110717)*

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan analisis temubual mendapati bahawa majoriti peserta kajian melihat proses penulisan karangan bahasa Arab yang diajar mempunyai kaedah dan teknik yang tersendiri sebagaimana berikut:

- (a) Proses penulisan karangan bahasa Arab adalah melibatkan proses penulisan peringkat pra-mengarang seperti proses binaan pola ayat berasaskan model, proses pengembangan ayat berpandukan model, proses membina dan menghubungkan ayat menggunakan kata hubung atau penanda wacana dan proses membina ayat menggunakan uslub atau gaya bahasa moden.

- (b) Aspek kemahiran mengarang yang ditekankan dalam proses mengarang pelajar ialah kemahiran merangka model karangan, kemahiran membina model pendahuluan kerangan, kemahiran membina model isi karangan, kemahiran membina model penutup karangan.
- (c) Selain itu, aspek-aspek asas seperti kemahiran menghasilkan idea utama, kemahiran menghasilkan idea sokongan begitu juga dengan kemahiran menyokong idea utama dan idea sokongan diajar oleh pensyarah. Pelajar juga diajar cara dan teknik merumus dan meringkaskan karangan.
- (d) Majoriti peserta kajian tidak memberi perhatian terhadap aspek penggunaan unsur kohesi dan koheren dalam karangan. Kemahiran pemerenggan juga tidak dititik beratkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis.

Pengkaji melihat dapatan yang diperolehi ini menunjukkan majoriti pensyarah di IPTA menekankan pelbagai teknik dalam proses menulis karangan bahasa Arab terutama pada aspek menghasilkan kerangka karangan, permodelan binaan ayat dan teknik membuat rumusan dan ringkasan. Manakala aspek kohesi dan koheran, begitu juga aspek pemerenggan dalam karangan tidak beri perhatian sepenuhnya kerana terdapat beberapa halangan seperti tempoh pengajaran yang tidak mencukupi dan kesediaan pelajar dalam mempelajari aspek tersebut.

## **RUMUSAN DAN CADANGAN**

Secara kesimpulannya, objektif kajian yang disasarkan dalam kajian ini telah berjaya dicapai hasil daripada proses analisis data kajian dijalankan.

Kajian mendapati proses menulis karangan bahasa Arab pada pandangan pensyarah di IPTA didapati berbeza-beza dan pelbagai. Masing-masing menggunakan cara dan teknik pengajaran yang tersendiri. Namun begitu, aspek-aspek penting dalam proses penulisan karangan bahasa Arab diajar dan dibimbing oleh mereka dengan sangat baik. Antara aspek yang diberi penekanan dalam proses menulis karangan bahasa Arab ialah proses binaan ayat menggunakan model, proses merangka karangan dan proses menghasilkan tiga perenggan utama iaitu perenggan pendahuluan, perenggan isi dan juga perenggan penutup. Hal ini sangat penting berdasarkan kajian Epin dan Nasri (2021) pemahaman pelajar dalam merangka

karangan lebih penting daripada kesilapan kecil yang terdapat dalam karangan tersebut. Menurut Mirnawati dan Firman (2019) proses karangan bahasa Arab tidak sama dengan karangan bahasa ibunda pelajar kerana keterbatasan penguasaan yang ada pada mereka dari sudut kosa kata, penstrukturan laras bahasa dan tatabahasa nahu dan soraf.

Justeru, pengkaji mencadangkan agar proses penulisan bahasa Arab diberi perhatian dan diperhalusi melalui bengkel-bengkel dan seminar-seminar bahasa Arab samaada diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Hasil yang diperolehi boleh dijadikan modul pengajaran atau pembelajaran secara khusus kepada pelajar bukan penutur jati bahasa Arab.

## **Rujukan**

- Badger, R. & White, G. (2000). A Process Genre Approach to Teaching Writing. *ELT Journal*, 54(2), 153-160.
- Epin, A., & Nasri, N. M. (2021). Modul Celik Karangan: Meningkatkan Kemahiran dan Minat Murid Tahun Enam Dalam Penulisan Karangan Jenis Fakta. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 130-143.
- Habibah, M. R. (2016). *Amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran INSYA 'sijil tinggi agama Malaysia (STAM)/Habibah Mat Rejab* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Ismail, M. R., & Daoh, M. (2020). Tahap Kerelevanan Isi Kandungan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab Mengikut Persepsi Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di USIM. *Selangor Humaniora Review*, 3(2), 24-36.
- Ismail, M. R., & Daoh, M. (2021). Analisis Keperluan Pembinaan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab dari Aspek Model dan Kaedah Pengajaran Modul. *Selangor Humaniora Review*, 5(1), 133-146.
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A. A., & Daoh, M. (2018). Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia dalam Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab. *Selangor Humaniora Review*, 2(1), 9-21.
- Kurniasari, I. (2021). Pengembangan modul menulis teks prosedur kompleks untuk siswa SMA kelas X. *SKRIPSI Mahasiswa UM*.
- Lai, L. C. (2017). *Pembangunan dan penilaian modul penulisan karangan Bahasa Melayu Tingkatan Empat/Lai Lee Chung* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Lannon, J. M. (2007). *The Writing Process*, Ninth Edition. Pearson Education, Inc.
- McMillan, K., & Weyers, J. (2014). *How to complete a successful research project*. Pearson UK.

- Mirnawati, M., & Firman, F. (2019). Penerapan Teknik Clustering Dalam Mengembangkan Kemampuan Menulis Karangan Deskripsi Siswa Kelas IV MI Pesanten Datuk Sulaiman Palopo. *Jurnal Studi Guru Dan Pembelajaran*, 2(2), 165-177.
- Mokhtar, M. B. M. (2018). *Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Penulisan Karangan Argumentatif* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Mokhtar, W. R. W., Rahman, M. Z. A., Adnan, M. A. M., & Salleh, N. H. M. (2020). Implikasi Penguasaan Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *albasirahjournal*, 10(1), 53-68.
- Musilehat, N. S., Che Mat, A., & Yaacob, A. N. (2014). *Hubungan kaedah pengajaran dengan kemahiran lisan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA* (Laporan Geran Kajian, Universiti Teknologi MARA).
- Noralidin, N. (2017). *Pembinaan model pengajaran kemahiran menulis karangan berdasarkan teori konstruktivisme* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Samah, R. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2).
- Thuimah, R. A., & Naaqah, M. K., (2006). *Ta'lim al-Lughah Ittisoolan Baina al-Manahij Wa al-Istiraatijiyyat*. Matba'ah Magribiyyah, Magribi.
- Tompkins, G. E., (2009). *Language Arts Patterns of Practice, Seventh Edition*. Pearson Education, Inc.